

**SEMPENA MESYUARAT AGONG BIL 19 MAKTAB POLIS DIRAJA MALAYSIA  
KUALA LUMPUR CHERAS SELANGOR  
31/03/2012**

Yang Di Hormati Tan Sri Ismail Hj Omar  
Ketua Polis Negara

Yang Berbahagia Tan Sri Lee Lam Thye  
Naib Pengerusi MCPF

Yang Berbahagia Datuk Hendry Chin  
Naib Pengerusi MCPF

Yang Berbahagia Datuk Kamaruddin Md Ali  
Naib Pengerusi MCPF

Yang Berbahagia Datuk Eddy Chen Lok Loi  
Bendahari MCPF

Tun, Tan Sri, Datuk, Dato'-Dato' EXCO MCPF dan tuan-puan yang saya hormati sekalian

Assalamualaikum w.b.t dan Salam hormat

Salam 1 Malaysia

1. Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana di atas limpah perkenannya maka dapatlah kita bersama-sama berada di majlis pada pagi ini. Selamat datang saya ucapkan kepada semua ahli-ahli Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia ke Mesyuarat Agong kali yang ke 19.

2. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua anggota Polis DiRaja Malaysia sempena sambutan hari polis yang ke-205 pada 25hb Mac 2012 baru-baru ini. Tahniah juga diucapkan di atas penganugerahan "Friends of The Police" kepada YBhg Tan Sri Lee Lam Thye, dan YBhg Tan Sri Robert Phang. Tidak lupa juga syabas kepada En. Kamal Affandi Hashim yang telah dianugerah pangkat ASP Kehormat Polis DiRaja Malaysia. Ini jelas menunjukkan betapa Exco MCPF mempunyai komitmen yang tinggi khususnya bagi membantu PDRM di dalam usaha mencegah dan memerangi jenayah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Insiden-insiden dan perasaan takut terhadap jenayah mempunyai kesan yang amat mendalam terhadap individu dan komuniti. Setiap individu bukan sahaja berharap kepada keselamatan diri, tetapi juga inginkan keselamatan di tempat tinggal, tempat kerja dan tempat beriadah.

4. Sehubungan ini, Kerajaan Barisan Nasional telah memberi keutamaan kepada isu sosial ini sebagai salah satu Hasil Keberkesanan Utama Negara (NKRA) di bawah Program

Transformasi Kerajaan (GTP). Usaha-usaha telah di ambil untuk mengenal pasti inisiatif yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan indeks jenayah dan jenayah jalanan, demi mewujudkan sebuah negara Malaysia yang lebih selamat untuk semua.

5. Sejak pelaksanaannya pada Januari 2010, NKRA Pengurangan Jenayah telah menunjukkan hasil yang positif dengan pencapaian penurunan sebanyak 11.1% dalam jenayah indeks dan penurunan sebanyak 39.7% dalam jenayah jalanan.

6. Pelaksanaan program-program yang dirangka dan disasarkan seperti Program Bandar Selamat adalah bukti bagaimana idea yang dibangunkan melalui Bengkel GTP telah diterjemahkan ke dalam mewujudkan persekitaran yang lebih selamat di negara ini.

7. Pada tahun 2011, Laporan Indeks Keamanan Global (GPI) telah mengiktiraf Malaysia sebagai negara paling selamat di Asia Tenggara, dan yang ke-19 di dunia. Ini membuktikan komitmen dan hasil usaha yang menyeluruh oleh Kerajaan Barisan Nasional bersama inisiatif-inisiatif di bawah Yayasan Pencegahan Jenayah telah memberi kesan dan impak yang amat baik khususnya meningkatkan persekitaran yang selamat di Malaysia.

8. Pengiktirafan dan statistik penurunan kadar jenayah ini mencerminkan bahawa PDRM telah mengukuhkan perancangan dan pelaksanaan strategi dan aktiviti-aktiviti berkaitan keselamatan masyarakat dan negara. Di samping usaha PDRM, masyarakat juga perlu terus mengembeling tenaga bagi mencapai matlamat negara makmur, sejahtera dan selamat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

#### MEMBUDAYAKAN BUDAYA SELAMAT

9. Semua masyarakat di dunia menginginkan kehidupan sejahtera dari segi ekonomi, sosial dan keselamatan. Untuk mencapai aspirasi ini masyarakat perlu melihat keselamatan dari sudut yang lebih besar, dimana masyarakat perlu menjadikan keselamatan sebagai satu cara hidup mereka. Membudayakan keselamatan dalam kehidupan harian akan melahirkan satu masyarakat yang kuat dan responsif kepada setiap perubahan kepada persekitaran yang membawa risiko kepada mereka.

10. Dari sudut ekonomi apabila masyarakat memberi keutamaan kepada soal keselamatan seperti keselamatan terhadap jenayah, keselamatan jalanraya, keselamatan dari sudut kesihatan dan juga keselamatan dari kebakaran, kita akan dapat menjimatkan kos yang tinggi dari sudut perbelanjaan kesihatan, insuran dan undang-undang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

#### MEMBANTU MENANGANI PUNCA JENAYAH

11. Ahli-ahli MCPF boleh membantu menangani punca jenayah di kalangan masyarakat terutama yang dikaitkan dengan permasalahan sosial seperti pembuangan dan penganiayaan bayi, keganasan rumah tangga, penyalahgunaan dadah, jenayah rompak dan bunuh, jenayah seksual rogol dan pencabulan terhadap kanak-kanak.

12. Ahli-ahli perlu bergerak aktif melibatkan diri di peringkat komuniti masing-masing dengan mempromosi budaya selamat di kalangan masyarakat setempat. Membentuk

persatuan penduduk serta mengaktifkan Skim Rondaan Sukarela akan dapat membantu kearah matlamat yang sama.

13. Kita tidak seharusnya melahirkan suatu masyarakat yang mementingkan diri (self-centered), angkuh, tamak dan terlalu asyik mencari harta kekayaan demi mencapai taraf negara maju. Sebaliknya kita perlu mewujudkan suatu masyarakat yang bertanggung-jawab, penyayang dan yang dipupuk dengan semangat jati-diri, kesedaran moral dan keinsafan rohani.

14. Demi untuk masa depan generasi akan datang, rakyat Malaysia mesti mendukung nilai-nilai murni dengan teguh dan padu serta tidak meneladani budaya barat secara membuta tuli.

15. Institusi kekeluargaan dan nilai murni perlu dipelihara dan dipupuk supaya dapat digunakan sebagai perisai kepada pelbagai masalah sosial yang mengancam masyarakat.

16. Kita perlu mendidik anak-anak kita dan memastikan supaya mereka menghargai nilai-nilai murni seperti sifat persefahaman, hormat-menghormati antara satu sama lain, kepatuhan kepada undang-undang, keyakinan diri dan sifat keterbukaan terhadap perbezaan agama, kepercayaan, adat dan budaya.

Tuan-tuan dan puan puan,

17. Rondaan 1Malaysia yang melibatkan beberapa agensi kerajaan adalah cara yang baik untuk mendekati dan menyatupadukan masyarakat kerana ia dapat menjadi platform untuk mengetahui masalah mereka selain daripada mencegah jenayah.

18. Program itu boleh dilihat sebagai jambatan bagi agensi-agensi untuk mengeratkan pertalian dan keharmonian penduduk demi menurunkan rasa kebimbangan mereka mengenai keselamatan dan kententeraman awam.

19. Pendekatan ini membuka ruang kepada lebih banyak agensi-agensi kerajaan untuk turut terlibat seperti; Jabatan Penjara, RELA, Pertahanan Awam, Jabatan Pendaftaran Negara, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Kawalan Penapisan Filem dan Bahagian Penguatkuasaan.

20. Saya berharap bahawa program ini terus diperkukuhkan dengan penglibatan lebih banyak pihak termasuk daripada pihak swasta.

Tuan-tuan dan puan-puan,

#### PROGRAM LAWATAN BALAI POLIS MCPF

21. MCPF sentiasa mencari cara-cara yang proaktif untuk menangani persepsi negatif terhadap PDRM. Program lawatan balai Polis MCPF yang telah di jalankan sejak beberapa tahun lalu membuktikan usaha ini.

22. Program yang melibatkan 14 buah negeri dan sejumlah 131 buah balai polis seluruh Negara telah dilawati. Sehubungan ini, saya amat hargai usaha Pasukan Pelawat Peringkat Kebangsaan MCPF yang di ketuai oleh YBhg Datuk Kamarudin Md Ali dan di bantu oleh YBhg Tan Sri Robert Phang yang bergerak ke seluruh Negara untuk menilai sebanyak 27

buah Balai Polis kesemuanya.

23. Penghargaan juga diucapkan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) di atas bantuan menjayakan bersama program ini.

24. Dialog secara terbuka antara Pasukan Pelawat Ketua Polis Balai dengan masyarakat dikenalpasti sebagai salah satu cara terbaik untuk mengetahui permasalahan setempat sekaligus dapat beramah mesra dengan lebih dekat dengan masyarakat. Dengan terjalinnya hubungan erat tersebut, masyarakat tidak akan berasa ragu-ragu untuk bekerjasama dengan pihak polis dalam menyalurkan maklumat berkaitan jenayah dan juga menjalankan aktiviti-aktiviti pencegahan jenayah secara kolektif. Dengan cara pendekatan terus sebegini, diharapkan persepsi-persepsi yang kurang baik terhadap PDRM dapat dihapuskan.

25. Hari ini, program lawatan balai 2011 telah sampai ke kemuncaknya dan pemenangnya akan di raikan untuk menerima Anugerah Emas MCPF. Saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada penerima-penerima dan saya harap kesemua penerima Anugerah ini akan diberi peluang penempatan kerja sambil belajar di sebuah Negara yang mempunyai sistem kepolisan yang hebat dan cemerlang seperti yang ditawarkan sebelum ini.

26. Saya berharap semoga pendekatan dan usaha-usaha baru terus dijana demi meningkatkan agenda pembangunan Negara dan kesejahteraan Rakyat.

Sekian, terima kasih.